



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 12 NOVEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FOOD IMPORTS TO DROP GRADUALLY, NATION, THE STAR, M/S – 10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MELAKA TAWAR PELUANG USAHA TANAH TERBIAR MILIK KERAJAAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 21	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	TANAM NANAS WAKTU MALAM PENDEKKAN TEMPOH TUAIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	
4.	MELAKA KOMITED PERKUKUH SOKONGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI NANAS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
5.	AGROBANK SERAH PAMPASAN RM306K, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	AGROBANK
6.	GEMAS FARM TO BOLSTER F&N'S PERFORMANCE, NEWS, THE STAR, M/S – 6	LAIN – LAIN
7.	OKU USAHA TANAMAN HIDROPONIK, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	
8.	NELAYAN 'PENAT' HADAP PENCEMARAN BERULANG, LAPORAN KHAS, HARIAN METRO, M/S – 3	
9.	KAKIB PERLUAS OPERASI, TEROKA SEKTOR PERTANIAN DAN SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Food imports to drop gradually

MALAYSIA is targeting to reduce rice imports by 2027, with local production expected to grow by 3% annually to reach 1.5 million tonnes, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Data showed that the import ratio for rice having increased slightly from 0.78 to 1 in 2023 to 0.89 to 1 last year.

He said the move to lower rice imports is part of the ministry's broader plan to reduce dependence on imported food supplies over the next three years.

"For beef and buffalo meat, the target import-to-domestic production ratio is 4.7 to 1 metric tonnes, while for chicken, it is 0.13 to 1.

"For eggs, we aim to maintain full self-sufficiency, and for vegetables, the ratio is expected to narrow to 1.64 to 1," he said in a written reply to Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai).

Mohamad said the ministry remains focused on boosting local output through the National Food Security Policy Action Plan 2021-



Friendly discussion:

(From right) Anwar chatting with Mohamad Sabu and Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said at the Parliament.
— Bernama

2025 and the National Agrofood Policy 2021-2030.

"These initiatives are designed to strengthen the country's self-sufficiency in the medium to long term and ensure sustainable food security," he added.

He pointed out that for 2023 and 2024, Malaysia had recorded gradual improvements in food production.

For example, the import ratio for beef and buffalo meat improved from 5.3 to 1 in 2023 to 5.0 to 1 last year.

Eggs achieved full self-sufficiency, with the import ratio reduced to zero last year.

Vegetable imports also showed a slight improvement, narrowing from 1.8 to 1 in 2023 to 1.76 to 1 in 2024.

TARIKH	MEDIA	RUANGSANA	MUKA SURAT
12/11/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Melaka tawar peluang usaha tanah terbiar milik kerajaan

Melaka: Kerajaan negeri menawarkan peluang kepada individu yang berminat untuk memanfaatkan tanah terbiar milik kerajaan dengan mengusahakan tanaman seperti nanas melalui permohonan di bawah skim Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata langkah itu bertujuan memperkasakan ekonomi rakyat serta meningkatkan hasil pertanian negeri, dengan kadar sewa rendah bagi tempoh tiga tahun.

“Orang ramai boleh maklumkan kepada Jabatan Pertanian atau Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan kerajaan negeri akan membantu memproses permohonan bagi

mendapatkan tanah TOL.

“Ini supaya kawasan terbiar dapat dimanfaatkan dan memberi hasil kepada rakyat serta negeri,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Program Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas Melaka, di Bukit Katil, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh.

Dr Muhamad Akmal berkata, usaha itu sejajar dengan peningkatan pesat industri tanaman nanas di Melaka yang merekodkan lonjakan 143 peratus dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, menjadikan negeri itu antara yang mencatat pertumbuhan tertinggi di negara ini. **BERNAMA**

Tanam nanas waktu malam pendekkan tempoh tuaian

MELAKA: Kira-kira 10,000 pekebun nanas di Semenanjung akan melaksanakan penanaman nanas pada waktu malam bermula 2027 selepas ia didapati memendekkan hasil tuaian daripada 14 bulan kepada 11 bulan.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd. Khairuzamri M. Salleh berkata, menerusi peruntukan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) berjumlah RM300 juta, kaedah itu dapat mengurangkan sasaran pengeluaran daripada 400,000 tan metrik kepada 700,000 tan metrik bagi memenuhi permintaan tinggi eksport.

Beliau berkata, berdasarkan kajian awal, ia telah dilaksanakan beberapa pekebun kecil dan mendapati sangat berkesan dengan sasaran ditetapkan.

"Sehingga tahun depan, kajian akan dijalankan bukan sahaja untuk tanaman pusingan pertama tetapi untuk pusingan kedua dan ketiga, sebelum kaedah ini dibuat bagi 20,000 hektar tanaman nanas.

"Kita tumpu nanas jenis MD2 kerana ia mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja untuk pasaran domestik tetapi juga dieksport terutama ke Eropah, Timur Tengah, New Zealand dan Australia," katanya pada Majlis Perasmian Program Pemindahan Teknologi Pengurusan Tanaman Nanas Negeri Melaka 2025 di Bukit Katil di sini, semalam.

Mohd. Khairuzamri berkata, kaedah tersebut akan diintegrasikan dengan penggunaan tenaga solar bagi menjimatkan kos, selain dapat menjaga kestabilan alam sekitar.

"Ia membolehkan sumber bekalan tenaga diguna pakai bagi penanaman," katanya.

PENGERUSI Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh (tengah) diberi penerangan oleh Mohd. Khairuzamri M. Salleh selepas merasmikan Program Pemindahan Teknologi Pengurusan Tanaman Nanas Negeri Melaka 2025 di Bukit Katil, Melaka semalam. - UTUSAN/AMRAN MULUP



Dr Muhammad Akmal dan Mohd Khairuzamri (kiri) bersama peserta Program Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas Negeri Melaka 2025 di Bukit Katil, semalam.

Foto Amir Mamat/BH

Melaka komited perkukuh sokongan pembangunan industri nanas

Pelbagai insentif dan kerjasama strategik bersama LPNM, Agrobank serta agensi Persekutuan lain

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Kaedah penanaman nanas pada waktu malam atau *night farming* yang diperkenalkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dijangka menjadi pemangkin baharu kepada industri berkenaan apabila pelaksanaannya dilakukan secara menyeluruh bermula tahun depan.

Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh, berkata projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) itu bukan sahaja mampu meningkatkan hasil pengeluaran nanas, malah berpotensi menjimatkan kos dan mempercepat tempoh tuaian.

Beliau berkata, konsep *night farming* membabitkan aktiviti

penanaman dan penjagaan nanas pada waktu malam menggunakan tenaga solar dan tenaga boleh diperbaharui bagi menggerakkan mesin serta sistem pencahayaan di ladang.

"Pendekatan ini turut menggabungkan penggunaan sisa tanaman yang biasanya dibakar untuk dijadikan sumber tenaga alternatif dan kajian awal menunjukkan ia mampu menghasilkan nilai kredit karbon yang tinggi," katanya selepas menghadiri perasmian Program Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas Negeri Melaka 2025 di Bukit Katil, di sini, semalam.

Perasmian program itu disempurnakan EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr Mu-

hammad Akmal Saleh.

Konsep *night farming* ini diperkenalkan bagi meningkatkan produktiviti dan mempercepat kematangan pokok, memandangkan nanas tergolong dalam tanaman *Crassulacean Acid Metabolism* (CAM) yang menjalankan fotosintesis pada waktu malam apabila liang pernafasan atau stomata terbuka lebih luas.

Kaedah ini membolehkan pekerja menjalankan tugas seperti pembajaan dan rawatan pada waktu malam untuk penyerapan nutrien yang lebih maksimum.

Mohd Khairuzamri berkata, LPNM kini bekerjasama dengan institusi berkaitan dan beberapa kementerian untuk membangunkan pialawan pengiktirafan kredit karbon khusus bagi industri nanas negara.

Katanya, kedua-dua kementerian terbahagi memberi fokus besar terhadap agenda pembangunan mampan (SDG) dan kredit karbon dan manfaat daripadanya akan dipulangkan semula kepada pekebun serta pemain industri.

"Kredit karbon itu sebagai ha-

sil tambahan atau 'tuaian keempat' selepas hasil ekonomi, sosial dan ekologi yang sudah dicapai dalam industri nanas sebelum ini," katanya.

Sudah sedia tingkat produktiviti pekerja

Aktiviti penanaman pada waktu malam dipilih kerana nanas berbeza daripada tanaman lain yang aktif pada waktu siang, selain suhu malam yang lebih sejuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Kajian menunjukkan, jika pada waktu siang, pekerja hanya mampu menanam sekitar 3,000 pokok, namun jumlah itu boleh meningkat kepada 6,000 pokok pada waktu malam manakala tempoh tuaian juga dapat dipendekkan daripada 14 bulan kepada 11 bulan.

Dalam RMK13, LPNM menyasarkan peluasan kawasan kepada 30,000 hektar di kawasan Semenanjung tidak termasuk 20,000 hektar di Sarawak yang memerlukan pelaburan swasta.

Mohd Khairuzamri berkata,

selain meningkatkan produktiviti, pendekatan *night farming* turut membantu mengurangkan kos operasi serta mempercepat kitaran tanaman, sekali gus meningkatkan pendapatan pekebun.

"LPNM optimis pelaksanaan kaedah itu akan menjadikan Malaysia antara peneraju inovasi pertanian tropika berasaskan teknologi hijau menjelang 2030," katanya.

Nanas aset strategik

Sementara itu, Dr Muhammad Akmal berkata, kerajaan negeri komited memperkukuh sokongan terhadap pembangunan industri nanas melalui pelbagai insentif dan kerjasama strategik bersama LPNM, Agrobank serta agensi Persekutuan lain.

Katanya, ia terbukti apabila industri itu berjaya menjadikan Melaka sebagai negeri pertama yang mengamalkan konsep '1 kali tanam, 3 kali tua' di Pusat Koreksional Jasir, sekali gus menjadi contoh kepada negeri lain dalam meningkatkan hasil dan nilai tambah pertanian.

"Nanas bukan sekadar tanaman komoditi, tetapi aset strategik yang mampu menyumbang kepada keterjaminan makanan, pembangunan ekonomi luar bandar serta peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

"Justeru, saya menyeru supaya pengusaha dan peserta program menjadikan teknologi serta inovasi sebagai pemicu baharu pertanian moden termasuk penggunaan dron pertanian, sistem pengurusan tanaman secara saintifik serta produk inovasi berasaskan nanas yang menjadi langkah penting memodenkan sektor ini dan menarik minat belia menyertainya," katanya.



Dr Muhammad Akmal diiringi Mohd Khairuzamri menyampaikan insentif kepada sekolah atas pelaksanaan projek penanaman nanas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2025	HARIAN METRO	BISNES	23

Agrobank serah pampasan RM306k

Kuala Lumpur: Agrobank menyerahkan replika kad Pelan Perlindungan Kemalangan Diri Takaful Kasih Plus kepada Noor Azlina Mohamed Saleh, waris kepada Allahyarham Iskandar Abu Bakar, pencarum pelan berkenaan yang melayakkannya menerima pampasan berjumlah RM306,000.

Agrobank, melalui kerjasama dengan Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di daerah Sabak Bernam, telah memperkenalkan Pelan Perlindungan Kemalangan Diri Takaful Kasih Plus bagi memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat menikmati perlindungan yang menyeluruh.

Dengan caruman serendah RM10.80 setahun, peserta layak menerima manfaat perlindungan kemaalangan diri dengan jumlah perlindungan yang tinggi.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sentiasa komited untuk memperkasa komuniti luar



MENTERI Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari bersama Noor Azlina (tiga dari kanan).

bandar dengan menyediakan produk kewangan dan perlindungan takaful yang inklusif, mampu milik dan relevan dengan keperluan masyarakat.

"Pelan Takaful Kasih Plus ini bukan sekadar perlindungan kewangan, tetapi satu bentuk jaminan ketenangan minda kepada keluarga sekiranya berlaku musibah yang tidak dijangka.

"Kami berharap lebih ramai masyarakat, terutamanya golongan B40 dan

usahawan kecil luar bandar, akan menyertai pelan ini agar mereka juga dapat menikmati manfaat perlindungan yang menyeluruh dan berpatutan," katanya.

Agrobank menyediakan perlindungan takaful menerusi beberapa pelan khusus bagi memberi manfaat seperti kematian atau keilatan kekal akibat kemaalangan menerusi produk Takaful Kasih Plus.

Takaful Kasih Plus dari Agrobank adalah pelan

perlindungan diri yang meliputi manfaat seperti kematian dan keilatan kekal akibat kemaalangan.

Agrobank akan terus memperkukuh usahanya dalam meningkatkan kepentingan perlindungan Takaful, selaras dengan matlamat bank untuk membina ketahanan kewangan komuniti agro serta memastikan kesejahteraan ekonomi yang mampan untuk semua lapisan masyarakat.

Gemas farm to bolster F&N's performance

Dairy segment set to grow stronger in coming years

CONSUMER

PETALING JAYA: Fraser & Neave Holdings Bhd's (F&N) financial performance in the years ahead is set to get a boost from its dairy segment, which is gaining capacity, analysts say.

The fast moving consumer goods (FMCG) producer's cattle farm in Gemas, Negri Sembilan, has received 2,500 pregnant heifers from Chile, which takes its total herd size to about 6,900 and double its lactating cow herd to about 5,000 in its current financial year ending Sept 30, 2026 (FY26).

The dairy plant there is targeted for its commercial run in January next year while F&N's Cambodian dairy plant is scheduled to begin operations next month, and thereby reduce reliance on products imported from Thailand.

"Lower feed costs at its dairy operations should allow for a stronger performance in the second half of FY26 (2H26) in our view," CGS International Research (CGSI Research) stated in a report on F&N following an analysts' briefing with management.

The research house raised its FY26, FY27 and FY28 net profit estimates for F&N by 0.5%, 1.7% and 2.2%, respectively, on higher margin assumptions.

F&N's management informed analysts that quarterly losses from the dairy farm business are close to peak levels and should narrow by 2H26 as the increased costs of

"Its existing herd delivered above 28 litres of milk per cow daily, exceeding the Malaysian average of 15 litres."

CGS International Research

new cows delivered will be mitigated by rising revenue from milk production.

Feed costs will also be reduced as corn silage from its recently harvested corn crops replaces purchased silage.

"Management sees the production of its own feed as a key driver of its dairy farm's profitability. Its existing herd delivered above 28 litres of milk per cow daily, exceeding the Malaysian average of 15 litres," CGSI Research said.

F&N is expected to generate about 25 million litres of fresh milk annually at that production rate and cattle headcount.

F&N sees domestic milk production at a lower cost structure as a means to replace imported milk as well as dairy products such as butter, yogurt and cream.

TA Research, meanwhile, expects F&N's FY26 topline performance to remain resilient, supported by ongoing product innovation, a recovery in demand in Thailand, and increased contributions from the dairy farming segment.

However, the research house has revised its earnings projections for F&N down by 3.9% for FY26 and 2.4% for FY27 with the incorporation of FY25 numbers.

It revised its target price for the FMCG company to RM32.97 a share from RM33.60, but maintained its "buy" call on the stock.

CGSI Research kept its "add" call on the stock but upped its target price to RM37 a share from RM36.50, with the dairy farm identified as the key catalyst to drive a rerating.

It added F&N shares trade at an undemanding 16.8 times next year's price-earnings multiple versus its large cap consumer staple peers at above 30 times.

Kenanga Research said F&N's near-term earnings remain partly weighed down by a slower recovery in its regional business, which led it to trim F&N's FY26 and FY27 earnings by 3% each and lower its target price to RM32.85 a share from RM33.95.

It however maintained its "outperform" call on the stock.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2025	HARIAN METRO	LOKAL	9



OKU usaha tanaman hidroponik

PESERTA orang kurang upaya (OKU), Mohd Hamzah Zakaria, 25, (tiga dari kiri) menyiram tanaman hidroponik ketika ditemui di Kampung Tawas, Ipoh. Kesungguhan sekumpulan warga daripada Persatuan Untuk Insan Bermasalah Intelek Perak mengusahakan tanaman hidroponik di Kampung Tawas membuktikan bahawa OKU dengan masalah pembelajaran mampu berdikari sekiranya diberi peluang dan tunjuk ajar yang betul.

TARIKH	MEKLA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2025	HARIAN METRO	LAPORAN KHAS	3

Kota Tinggi: "Kami semakin buntu memikirkan masa depan kumpulan nelayan di perkampungan Orang Asli Sayong Pinang di sini yang terpaksa menganggur sejak lebih seminggu akibat pencemaran," kata nelayan sungai, Azizan Mohsin, 32.

Azizan berkata, lebih satu tan pelbagai jenis ikan mati di sepanjang hilir Sungai Johor dipercayai selepas kolam sebuah tapak perlombongan berhampiran pecah.

Menurutnya, ia berikutan terdapat kira-kira empat kawasan perlombongan pasir beroperasi di sekitar Sungai Johor dan kejadian pada akhir Oktober lalu membatikannya hanya sebuah kawasan.

Katanya, pada masa sama,

terdapat beberapa kilang sawit selain sebuah kilang baja di kawasan sepanjang pinggir Sungai Johor.

"Kebiasaannya kawasan ini menjadi habitat ikan baung, patin, lampam, tapah, kelabau, ketutu, jelawat, udang galah dan beberapa jenis ikan lagi namun kini semuanya mati termasuk anak ikan selain habitatnya.

"Kini harapan kami hanya sungai bersebelahan iaitu Sungai Linggiu namun hasilnya tidak memberangsangkan kerana turut terkesan akibat pencemaran

sebelum ini.

"Manakala Sungai Sibol yang turut terletak di kawasan ini pula dalam keadaan lebih buruk.

"Ke mana hala tuju kami selepas ini menjadi tanda tanya, memang segelintir menjalankan aktiviti menoreh getah dan mencari hasil hutan secara separuh masa namun hasilnya amat sedikit serta tidak mungkin dapat menampung kos hidup," katanya.

Sementara itu, seorang nelayan, Mazuri Mat, 39, berkata Sungai Sayong men-

Nelayan 'penat' hadap pencemaran berulang



MAJID

jadi umpama 'sungai zombie' apabila ikan yang mati timbul di permukaan sungai selain mengakibatkan pencemaran bau busuk.

"Seminggu sebelum kejadian, sungai ini dalam keadaan baik namun kini segala-galanya berubah apabila air sungai masih cetek.

"Sehingga kini pihak syarikat terbabit tidak bertemu dengan kumpulan nelayan.

"Kami tidak pasti pampasan mahupun bantuan bakal ditawarkan namun proses pemulihan sungai ini mungkin memakan tempoh bertahun.

"Kami juga bimbang kejadian berulang kerana masih terdapat operasi perlombongan pasir syarikat lain di

kawasan ini, sekiranya insiden berulang kami mungkin terpaksa gulung tikar," katanya.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Majid Jantan, 63 berkata, sebelum 1980-an iaitu ketika masih tiada laluan darat, Orang Asli suku Jakun di perkampungan itu bergantung kepada sungai termasuk bagi membeli barangan keperluan di Kota Tinggi.

Menurutnya, secara keseluruhannya terdapat tiga perkampungan Orang Asli di sekitar kawasan itu termasuk Kampung Pasir Intan, Kampung Kempas Menang dan Sayong Pinang (dikenali sebagai Sungai Sayong Pinang sebelum ini).

Katanya, rata-rata nelayan di situ adalah nelayan darat yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan ikan.

"Banyak perubahan, dulu masa saya kecil, air sungai jernih, kita minum air minum sungai tanpa masak pun boleh dan sekitar kawasan Sungai adalah hutan yang menjadi tempat kami mencari hasil hutan.

"Kini pencemaran berlaku hampir setiap tahun hingga kami sudah penat menghadapi isu ini. Kami sedih dengan nasib Sungai Sayong mahupun Sungai Johor," katanya.



NELAYAN darat terkesan akibat pencemaran sungai di Kampung Orang Asli Sayong Pinang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

KAKIB perluas operasi, teroka sektor pertanian dan sekuriti makanan

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

IPOH - Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) berhasrat memperluaskan bidang operasi dengan meneroka sektor pertanian dan sekuriti makanan bagi memastikan kelangsungan serta daya saingnya terus terjamin selepas ditubuhkan lebih satu abad.

Pengerusinya, Mohd Hasrizad Zaman berkata, langkah tersebut merupakan sebahagian daripada usaha koperasi untuk mempelbagaikan sumber pendapatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap aktiviti kredit dan pembiayaan yang menjadi tunjang utama operasi KAKIB selama ini.

Menurutnya, sektor pertanian dan sekuriti makanan kini dilihat sebagai bidang strategik yang mampu memberi impak besar kepada ekonomi negeri serta memberi manfaat langsung kepada anggota koperasi dan masyarakat setempat.

"Kita sedang melihat peluang dalam bidang pertanian atau perladangan. Koperasi mempunyai potensi besar untuk membantu kerajaan negeri memperkukuhkan rantaian bekalan makanan.

"Sekiranya diberikan peluang, kami bersedia berbincang serta menyertai inisiatif pertanian berimpak tinggi yang



Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, Datuk Salbiah Mohamed (empat dari kiri) menyampaikan Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Perak 2025-Tempat Kedua kepada wakil KAKIB dalam satu majlis, baru-baru ini.

sedang dirancang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, sejak ditubuhkan pada 27 Julai 1923, KAKIB memainkan peranan penting dalam memperkasakan kesejahteraan ekonomi penjawat awam negeri dan persekutuan di Perak melalui kemudahan pembiayaan, pinjaman berpatutan dan perkhidmatan ar-rahnu.

Katanya, sehingga kini, KAKIB mempunyai 6,480 anggota dengan jumlah syer dan yuran sebanyak RM81.9 juta, manakala jumlah aset koperasi mencecah RM123.3 juta serta pendapatan kumpulan RM10.9 juta.

"Alhamdulillah, prestasi kita semakin baik dari tahun ke tahun. KAKIB kini berada di tempat kedua koperasi terbaik di Perak dan menduduki tangga ke-29 dalam Indeks Koperasi Terbaik Malaysia, peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya di tangga ke-53.

"Pencapaian ini hasil komitmen berterusan lembaga pengarah dan pengurusan dalam memastikan tadbir urus KAKIB kekal telus, berintegriti dan menepati segala peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)," katanya.

Mohd Hasrizad berkata, bagi

memastikan koperasi terus kekal relevan dalam persekitaran ekonomi semasa, pihaknya komited menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran baharu termasuk dalam aspek digitalisasi, pemantapan pengurusan kewangan dan peluasan jaringan perniagaan.

Beliau berpandangan, Pelan Perak Sejahtera 2030 yang diilhamkan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad membuka banyak ruang kepada koperasi seperti KAKIB untuk melibatkan diri secara aktif dalam agenda pembangunan negeri.

"Koperasi mampu menjadi rakan strategik kepada kerajaan negeri dalam menjayakan pelan ini khususnya melalui sektor pertanian moden, perusahaan makanan dan aktiviti ekonomi komuniti," katanya.

Dalam masa sama, beliau mengakui kejayaan sesebuah koperasi tidak hanya bergantung kepada kekuatan modal dan aset semata-mata, tetapi juga kepada kepercayaan, sokongan dan kesetiaan anggota terhadap koperasi.

Sepanjang tempoh beroperasi, KAKIB pernah merangkul beberapa kejayaan antaranya menjadi pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosio-Ekonomi pada tahun 1997.

Terbaharu, KAKIB memenangi tempat kedua bagi Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Perak 2025 sempena Coop Fest dan Jelajah Usahawan Negeri Perak 2025 di Arena Square Batu Gajah pada 11 Oktober lalu.